



DR. MAHATHIR Mohamad bersama S.M. Mohamed Idris melihat pameran *Palestine Iraq-End The Agony* selepas pelancarannya di Galeri Petronas KLCC, semalam.

Dr. Mahathir lancar pameran poster Palestin

Um-15/12/2004: 4

KUALA LUMPUR 14 Dis. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pameran poster bertajuk *Palestin dan Iraq, Hentikan Penderitaan* di Galeri Petronas, KLCC di sini.

Pameran anjuran pertubuhan rangkaian antarabangsa, Citizens International dan Institut Kajian Sosiologi Malaysia (MSRI) itu berlangsung sehingga 26 Disember ini.

Ia dibuka kepada orang ramai secara percuma dari pukul 10 pagi hingga 8 malam.

Mahathir dalam ucapannya berkata, pa-

meran tersebut dilihat mampu menyedarkan orang ramai akan penderitaan yang dialami oleh penduduk kedua-dua buah negara itu.

“Dari raut wajah pada poster di pameran ini dapat menggambarkan apa yang sebenarnya berlaku di sana,” katanya.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu adalah Pengerusi Citizens International dan MSRI, S.M. Mohamed Idris; Pengarah Institut Pemikiran Politik Islam, Dr. Azzam Tamimi serta bekas Presiden Persatuan Islam Britain, Anas Takriti.